

01/09/2002

Dr M mengimbau kenangan lama

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad mengimbau kembali kenangan lama apabila menerima hadiah sebuah kereta antik Pontiac Catalina keluaran 1966, yang telah diubahsuai di Sirkuit Litar Sepang, petang semalam.

Perdana Menteri pernah memiliki kereta jenis sama tapi edisi Starchief 1959. "Ini bukan kereta asal saya, tapi saya pernah memiliki Pontiac sebelum ini iaitu sebelum saya menjadi Ahli Parlimen... ketika saya masih menjadi doktor.

"Tapi masa dulu kereta ini murah, saya hanya membayar RM12,000 dan petrolnya juga menjimatkan iaitu 14 batu segelen," katanya.

Perdana Menteri menerima kereta yang mempunyai plet nombor yang sama dengan kereta pertama Pontiacnya, K 7600, selepas menyaksikan Perlumbaan Tahan Lasak Merdeka Alaf Baru, petang semalam.

Perdana Menteri berkata, beliau difahamkan Pontiac Catalina ini diperoleh dari Amerika Syarikat.

"Kereta ini tidak ada di Malaysia, jadi mereka ke Amerika untuk mencari kereta lama dan memulihkannya. Nampaknya mereka melakukan tugas yang baik kerana rasanya seperti memandu kereta baru," katanya.

Ketika ditanya sama ada beliau gembira mendapat memandu semula Pontiac, beliau berkata: "Ya, kerana ia adalah kenangan masa lalu."